

Pementasan muzikal uji keberanian penuntut

BATU PAHAT – Seramai 63 penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terdiri daripada 33 penuntut kelas seni tari dan kreatif, 10 bekas penuntut kelas berkenaan dan 20 ahli Kelab Warisan mengadakan pementasan muzikal.

Pementasan yang turut melibatkan tiga staf Unit Kebudayaan UTHM itu diadakan bagi menguji keberanian penuntut dan mengasah kemahiran insaniah mereka.

Pensyarah kelas terbabit, Rosdi Abdullah berkata, kami ingin lihat sejauh mana mereka berhadapan dengan khalayak.

Katanya, ia turut mengasah kemahiran insaniah penuntut dalam aspek kemahiran genetik, yang berkait dengan kemahiran komunikasi, kerjasama berpasukan dan

kepimpinan.

“Dengan kemahiran terbabit, ia membentuk individu bijak berkomunikasi, berdaya tahan dan berinovatif.

“Kemahiran komunikasi penting untuk berhadapan dengan pelbagai pihak apabila tamat pengajian selain mampu membuat keputusan dengan bijak,” katanya.

Pementasan muzikal bertajuk Muzikal Drama Tari Cinta tersebut juga turut menyelitkan sedutan beberapa filem terkenal dari era 40-an sehingga ke 2000.

Menurutnya, dia kagum walaupun penuntut terdiri daripada jurusan kejuruteraan, tetapi mereka mampu melakukannya.

Katanya, bidang seni dan juga kemahiran komunikasi tidak dipelajari dalam kelas, na-

mun mereka menjadikan bidang berkenaan sebagai ilmu tambahan yang berguna pada masa akan datang.

“Sekurang-kurangnya mereka sudah ada pengalaman dan pengetahuan tambahan untuk menempuh alam pekerjaan,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Kokurikulum UTHM, Prof Madya Dr Ahmad Esa berkata, program tersebut bagus untuk penuntut kejuruteraan kerana mempelajari cara berhadapan dengan umum dan bukan sahaja mengenali pembelajaran dalam kelas sahaja.

“Saya harap penduduk jurusan kejuruteraan dapat mengambil kesempatan untuk menyertai program berbentuk pementasan ini kerana ia mempunyai kelebihan tersendiri,” katanya.



Penuntut UTHM yang terlibat dalam pementasan bergambar kenangan selepas persembahan.